



BESUT

BULETIN

Student & Community Smart Experience

www.unisza.edu.my/ppkbesut

| Edisi 2 |

| Disember 2020

eISSN 2682-7522



9 772682 752003



**TEMUBUAL
ISTIMEWA**
PROF. MADYA DR.
KHAMSAH SURYATI
BINTI MOHD

PESONA FM



**Pelancaran
MyBahagia**



Penasihat

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman

Editor 1

Ts. Dr. Nadzifah Yaakub

Editor 2

Norhazura Yunus

Editor 3

Rusdi Muda

Penolong Editor

Zanariah Mohd Nor @ Abd. Halim

Pereka

Muhamad Baharin Gani

Penyelaras Laman Sosial

Norshuhila Mohd Shukri

Penyelaras Sumber

Mohd Fauzan Haji Ariffin | Noor Hafizal Abdul Azis |
 Mohd Rohaizad Md. Rejab | YM Syed Mohd Al-Shukri
 Tuan Sharif | Zaleha Mat Ya'acob | Fadlina Ismail |
 Tuan Nur Izzat Syazwan Tuan Ab Rashid | Wan Mohd
 Hasbullah Wan Abdul Rahman | Nora Ismail |
 Mohamad Hussin | Mimi Meliessa Mohd Zain |
 Rosahini Mohd Salleh Azmi | Nur Syareena Azmee |
 YM Tengku Ani Soraya Tengku Sulaiman | Noor
 Aminuddin Mohamed Nor | Yusuf Amin Ismail

Hak Cipta Terpelihara ©2019

Besut Buletin diterbitkan tiga kali setahun, mulai September 2019 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Besut

Pejabat Pengarah Kampus Besut,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Besut
22200 Besut
Terengganu, MALAYSIA

**ISI KANDUNGAN****KATA ALUAN PENGARAH KAMPUS BESUT****FOKUS****TEMUBUAL ISTIMEWA**

1-2

PROF. MADYA DR. KHAMSAH SURYATI BINTI MOHD

PEJABAT**PPKB**

3-4

PEJABAT PENGARAH KAMPUS BESUT

HEPA

5-6

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**JKKP**

7

JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

PWB

8-9

PERPUSTAKAAN AL-WATHIQU BILLAH

PUSAT**CLMC**

10-11

PUSAT PENGURUSAN MAKMAL BERPUSAT

PPIR

12

PUSAT PENGURUSAN INFOSTRUKTUR & RANGKAIAN

PKW

13

PUSAT KESENIAN & WARISAN

FAKULTI**FF**

14-15

FAKULTI FARMASI

FIK


16-18

FAKULTI INFORMATIK & KOMPUTERAN

FBIM

19-21

FAKULTI BIOSUMBER & INDUSTRI MAKANAN



KATA ALUAN PENGARAH KAMPUS BESUT



**Profesor Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman
Pengarah Kampus Besut**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Allahumma Yassir Walaa Tu'assir,

Alhamdulillah Wa Syukrillah, segala pujian dan kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T yang sentiasa mengurnikan rahmat dan kasih sayang-NYA kepada kita semua warga UniSZA. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga baginda, kaum kerabat baginda, para sahabat dan tabi'in.

Saya melahirkan rasa syukur kepada Allah S.W.T dan ucapan syabas buat Sidang Redaksi Buletin Besut kerana sekali lagi berjaya menerbitkan Edisi ke-2 bagi tahun 2020. Walaupun pada tahun ini pelbagai cabaran dan rintangan yang terpaksa ditempuhi, namun komitmen yang tinggi ditunjukkan oleh warga UniSZA untuk terus memacu pembangunan spiritual dan fizikal sejarah dengan slogan "Ilmu Demi Faedah Insan".

Tahun ini kita terpaksa menempuh cabaran yang tidak pernah kita lalui di mana penularan wabak COVID-19 menular dengan begitu hebat sekali sehingga ke seluruh pelosok dunia termasuklah di Malaysia dan di bumi Terengganu khasnya. Akibatnya, kita terpaksa menempuh hari-hari yang mendatang dengan norma baharu dalam kehidupan seharian kita termasuklah cara dan gerak kerja kita di UniSZA.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kesan pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan langsung kepada ekonomi malah ianya turut mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pada tahun ini juga para pelajar terpaksa melalui PdP dengan norma baharu iaitu secara dalam talian sepenuhnya (e-learning). Namun begitu, dengan usaha gigih yang ditunjukkan oleh warga UniSZA, semua permasalahan ini diselesaikan dengan cara yang bijaksana dan dihadapi dengan tenang.

Walaupun pandemik COVID-19 masih lagi belum tamat sepenuhnya, UniSZA Kampus Besut (UKB) tetap berusaha meningkatkan kemudahan kepada warganya seperti penubuhan Taska Permata Keluarga yang bakal beroperasi pada tahun 2021. Penubuhan taska merupakan solusi penting kepada warga UKB yang memerlukan pusat jagaan bagi anak-anak mereka. UKB juga bakal menerima sebuah mercu tanda baharu iaitu bangunan akademik dan pentadbiran pada akhir tahun 2020 yang akan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2021. Malah Perpustakaan Al-Wathiqu Billah berwajah baharu dengan penambahan beberapa infrastruktur bagi persediaan menyambut kedatangan pelajar baharu.

UKB turut menerima pertambahan pelajar pada tahun 2021. UKB mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kerajaan Negeri Terengganu bagi perancangan penambahan penempatan pelajar. Diharapkan usaha penambahan penempatan pelajar berjalan lancar dan membawa hasil yang positif menjelang pembukaan semester baharu bagi sesi 2021/2022. Seajar dengan matlamat UKB untuk menjadi kampus hijau digital, para pelajar bakal menerima kemudahan terkini perkhidmatan pengangkutan kampus iaitu Aplikasi Pengurusan Bas Kampus Besut yang pertama kali ditawarkan buat para pelajar UniSZA.

Pada tahun 2021, Pejabat Pengarah Kampus Besut akan mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu bagi pembangunan projek Taman Rimba Ilmu Tanah BRIS (TRIBE). Jawatankuasa TRIBE turut merancang mengadakan beberapa lagi siri MoU dengan agensi luar termasuk Yayasan Diraja Sultan Mizan,

FRIME dan NGO alam sekitar. Besar pengharapan UKB agar projek pembangunan TRIBE dapat dilaksanakan memandangkan ianya mempunyai potensi dan peluang besar yang harus dipelihara dan dimanfaatkan hasilnya secara mampan.

Di akhir kata, marilah kita bersama-sama memanjat doa dan pengharapan kepada Allah S.W.T agar segala perancangan pembangunan Kampus Besut dapat dizahirkan dengan jayanya. Semoga kita semua tabah dan reda menghadapi dugaan Ilahi ini. Saya berharap agar semua warga UKB mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) dan

arahuan dari masa ke masa sama ada daripada pihak berkuasa mahupun daripada pihak pengurusan UniSZA. Terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada sidang redaksi dan penyumbang berita Buletin Besut yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk penerbitan kali kelima, edisi 2/2020. Semoga penerbitan Buletin Besut memberikan manfaat kepada semua. Wassalam.

**"Student &
Community
Smart
Experience
@Kampus
Besut"**

TEMUBUAL ISTIMEWA

PROF. MADYA DR. KHAMSAH SURYATI BINTI MOHD



Sumbangan yang dirasakan amat bermakna dalam bidang berkaitan di luar dan dalam UniSZA?

Penglibatan dengan projek pemindahan teknologi bersama komuniti. Projek yang pertama dapat membantu pengusaha kelulut mempelbagaikan pendapatan mereka dengan membantu membangunkan produk kecantikan berdasarkan propolis dari kelulut. Produk itu sendiri telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan selepas dianugerahkan inovasi terbaik dalam pertandingan inovasi Malaysian Technology Expo (MTE) 2019. Satu lagi projek adalah menggunakan teknologi biopesticid dalam penanaman luar musim bersama petani dari Persatuan Peladang Pelagat. Para petani telah berjaya mendapatkan hasil yang lumayan apabila menanam di luar musim (selalunya jangkitan perosak sangat tinggi) yang kebiasaannya tidak mendapat apa-apa hasil pada masa berkenaan. Pada pandangan saya, sumbangan kepada komuniti terutama dalam meningkatkan pendapatan mereka adalah lebih bermakna berbanding dengan kerja-kerja saya yang lain.

Kenapa memilih bidang yang diceburi sekarang?

Saya mula berminat menjadi pensyarah apabila bekerja sebagai pegawai penyelidik di USM. Pada ketika itu saya melihat kerjaya sebagai pensyarah adalah unik kerana mereka bekerja untuk universiti dengan bekerja untuk diri sendiri. Maksudnya, apabila menjalankan penyelidikan,

PERIBADI

Nama: Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Binti Mohd
Tarikh lahir: 20 April 1971
Asal: Kuala Berang , Terengganu
Nama Suami: Dr. Amirrudin Ahmad
Bilangan Anak: 3

PENDIDIKAN

Pendidikan Awal:
SK Seberang Takir, Kuala Terengganu
SK Mejah General Dato Ibrahim, Kem Semenggo, Kuching Sarawak
SK Kg Pasir Nering, Kuala Berang, Terengganu
SK Berasrama, Tengkawang, Telemong Hulu Terengganu

Sek Men:
SMK Matang, Kuala Berang, Terengganu
SMK Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang, Terengganu
SMK Padang Midin, Kuala Terengganu
SM Sains Syed Putra, Kangar, Perlis

Universiti:
Universiti Sains Malaysia (Bachelor & Master)
University of Dundee, Scotland, UK (PhD)

KERJAYA

Biochemist, Pathlab (M) Sdn Bhd, Penang Branch.
(1995-2000)
Research Officer, Universiti Sains Malaysia, Penang.
(2000-2004).

Tarikh perkhidmatan di UniSZA:
(2007)

mereka tentulah memilih bidang yang digemari. Saya amat cenderung untuk mendalami bidang tumbuhan ubat-ubat, hasilan semulajadi dan biokimia. Kecenderungan saya dalam tumbuhan ubatan atau herba bertitik tolak dari keluarga saya yang sentiasa mengamalkan ubatan herba. Saya juga melihat negara kita amat kaya dengan khazanah ini dan perlu diterokai lagi. Generasi muda juga telah mula manjauhi diri dengan amalan penggunaan ubatan yang diwariskan dari zaman-berzaman. Saya berpendapat, generasi saya bertanggungjawab untuk menjaga dan memperkenalkan kekayaan negara ini dengan memberi tumpuan khas kepada bidang penyelidikan dalam tumbuhan herba dan hasilan semulajadi.

Atas alasan ini, saya bersama rakan-rakan membangunkan Taman Herba UniSZA di Kampus Besut bagi memberi pendedahan tentang kekayaan spesis tumbuhan ubatan di tempat kita.

Pandangan dan harapan dalam bidang/ fakulti?

Fakulti saya mempunyai potensi yang besar untuk menjadi pusat percambahan ilmu dan pemantapan teknologi dalam bidang pertanian. FBIM merupakan satu-satunya fakulti di Malaysia ini yang mempunyai program pertanian yang lengkap dari asas (Sarjana Muda Agronomi, Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan, Sarjana Muda Sains Akuatik), penggunaan teknologi pertanian (Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian, Sarjana Muda Pembiakbakaan Tumbuhan), teknologi makanan (Sarjana Muda Teknologi Makanan dan Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal) dan perniagaan tani (Sarjana Muda Perniagaantani). Kebiasaan fakulti dalam kelompok pertanian lebih tertumpu kepada salah satu bidang pertanian (tanaman), perladangan, penternakan dan sebagainya. Dengan warga fakulti yang 80% berkelulusan PhD dan 70% berumur bawah 50 tahun, saya lihat fakulti mempunyai cukup tenaga dan daya untuk memperkasakan bidang pertanian negara.

PENCAPAIAN & SUMBANGAN



Kenangan paling manis sepanjang kerjaya?

Berjaya mendapat geran FRGS dan geran RACE yang pertama sebaik sahaja dilantik sebagai pensyarah di UniSZA pada tahun 2012.

Kejayaan yang pernah dicapai dalam bidang?

Inovasi:

1. Mendapat anugerah Best of The Best dalam Malaysian Technology Expo (MTE) 2019 untuk produk PROPOPLUS
2. Mendapat pingat Emas Malaysian Technology Expo (MTE) 2019 untuk produk PROPOPLUS
3. Mendapat Commercialization Award 2019, UniSZA Research and Innovation Award 2019
4. Mendapat pengiktirafan International World Research Connects Awards 2018 oleh Arunai International Research Foundation, India.
5. Mendapat pingat perak, ITEX 2019: FibrOS-Standardized Orthosiphon stamineus (Misai Kucing) extract for Uterine Fibroid Management
6. Mendapat pingat emas, MPI 2019: FibrOS-Standardized Orthosiphon stamineus (Misai Kucing) extract for Uterine Fibroid Management
7. Mendapat pingat emas, MPI 2019: Myherbs Apps
8. Mendapat pingat perak, MPI 2019: EuryTALS- Standardized Tongkat Ali Leaf and Stem extracts for Health Tonic
9. Mendapat pingat emas, ITEX 2016 : EM foliar Fertilizer
10. Mendapat pingat perak, ITEX 2016: Propoplus: Defence for Bees Beauty Treasure for Human
11. Mendapat pingat emas, MPI 2016: Propoplus: Defence for Bees Beauty Treasure for Human
12. Mendapat pingat emas, MPI 2016: EM Foliar Fertilizer

Penyelidikan:

1. Mendapat 16 geran secara keseluruhan dengan 1 geran antarabangsa, 10 geran national, 6 geran universiti dengan jumlah keseluruhan RM2,017,000.00.
2. Mendapat 3 geran Pemindahan teknologi bersama komuniti (KTP) dengan jumlah geran RM348,623,000.00.



PROGRAM IBADAH QURBAN & AQIQAH 2020 UniSZA KAMPUS BESUT

3 Ogos 2020 - Telah berlangsung Program Ibadah Qurban & Aqiqah 2020 bersama Pusat Islam dengan kerjasama Pejabat Pengarah UniSZA Kampus Besut.

Scara keseluruhannya, program yang julung-julung kali diadakan ini telah berlangsung dengan lancar dan meriah. Hasil qurban telah diagihkan kepada hampir 150 orang.



PPKB MEMENANGI TEMPAT KE-2 SEMPENA BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT UniSZA 2020

30 September 2020 - Telah berlangsung majlis penyampaian hadiah sempena sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat UniSZA 2020 yang telah disampaikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan.

Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB) telah menyahut cabaran bagi menyertai pertandingan ini. PPKB berjaya memenangi tempat ke 2 dalam pertandingan tersebut serta menerima hadiah berupa sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah RM700.00.



SUKAN MERDEKA 2020



5 September 2020 - Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kubang Ikan bersama Unit Daftar Mengundi Gong Bayor telah menganjurkan program Komuniti Sukan Merdeka yang bertempat di Padang Bola Gong Jelutong yang mana Staf Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB) telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa bagi program komuniti tersebut.

Program komuniti tersebut telah dirasmikan oleh ADUN Kota Putera, Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman. Program tersebut bermula seawal 8.00 pagi dan berakhir sekitar jam 6.00

petang. Dianggarkan lebih kurang 150 dewasa dan kanak-kanak dari Kampung Gong Jelutong telah menyertai program komuniti ini. Antara aktiviti yang dianjurkan untuk kanak-kanak sepanjang program tersebut adalah seperti music chair, lari dalam guni, menghias basikal dengan bendera jalur gemilang, meniup dan memecahkan belon serta tarik tali. Manakala aktiviti-aktiviti yang disediakan bagi dewasa pula adalah seperti baling buah kelapa dan tarik tali.



SUMBANGAN TABUNG COVID-19 UniSZA

2 Mei 2020 - Telah berlangsung majlis penyampaian sumbangan Tabung Covid-19 UniSZA kepada pekerja pembersihan UniSZA Kampus Besut oleh Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman, Pengarah Kampus.

Semoga dengan sumbangan yang disampaikan ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan insan yang lebih memerlukan, selain dapat mengeratkan lagi tali silaturahim sesama kita.




ASEAN UNIVERSITY E-SPORT CHALLENGE 2020



Sebuah program peringkat antarabangsa telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) dengan kerjasama Kelab eSport UniSZA iaitu ASEAN University E-Sport Challenge 2020 yang berlangsung pada 5 dan 6 Ogos 2020. Program ini melibatkan 3 buah universiti iaitu sebuah universiti dari Brunei dan dua dari Indonesia. Program ini dijalankan selama dua hari secara atas talian. Program esukan ini dianjurkan bertujuan untuk mengasah bakat mahasiswa dalam bidang esukan di samping memupuk semangat persaudaraan serumpun antara mahasiswa/i ketiga-tiga buah negara ASEAN.

Dua permainan dipertandingkan dalam kejohanan ini iaitu Mobile Legend Bang Bang dan Call of Duty Mobile (CODM). Seramai 96 peserta yang terdiri daripada mahasiswa UniSZA dan universiti jemputan. Pasukan daripada Universiti Pembangunan Nasional (Veteran) Jakarta mengungguli tempat pertama manakala tempat kedua dan ketiga didominasi oleh pasukan daripada UniSZA.

INTERNATIONAL E-SPORT ENTREPRENEURSHIP AND CAREER



Satu lagi program dalam talian peringkat antarabangsa telah dianjurkan dengan jayanya oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) Sesi 19/20 iaitu International E-Sport Entrepreneurship and Career yang berlangsung pada 8 dan 9 Ogos 2020. Program bual bicara ini telah menjemput seorang pemain esukan profesional (CODM), seorang pemain esukan yang pernah mewakili UniSZA dan seorang pemain esukan (Mobile Legend) daripada Indonesia.

Satu perlawanan persahabatan juga telah dijalankan di antara pasukan UniSZA iaitu SZA Panthera menentang pasukan dari Indonesia, FIK Pride UPNVJ. Perlawanan berkesudahan dengan pasukan SZA Panthera menang dengan keputusan 2-0.



TAUTAN MAHABBAH BERSAMA KOMUNITI PULAU REDANG

Pada 17 - 18 September 2020 telah berlangsungnya program 'Tautan Mahabbah Bersama Komuniti Pulau Redang' yang melibatkan Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik Komputeran (PMFIK) dibantu oleh pelajar Diploma FIK semester 4. Program ini dijalankan bersama pelajar tahun empat, lima dan enam Sekolah Kebangsaan Pulau Redang (SKPR), serta penduduk sekitar Pulau Redang.

Antara intipati yang diperoleh daripada program ini ialah para peserta terlibat dapat menyantuni penduduk Pulau Redang serta dapat mengajar pelajar SKPR tentang kepentingan Teknologi Maklumat dalam kehidupan seharian setiap insan.



Program Team Building 1.0

21 Februari 2020 -
Persatuan Agribiosis
2019/2020 telah
menganjurkan Program

Team building 1.0 ini dijalankan di Bukit Maras, Kuala Nerus, Terengganu. Program ini dianjurkan bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara mahasiswa persatuan Agribiosis dari program Perniagaantani dan Bioteknologi Pertanian.

Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan mahasiswa Agribiosis agar lebih aktif dalam penglibatan aktiviti lasak. Di samping itu juga, mahasiswa dapat menikmati dan menghargai alam sekitar. Program bimbingan Dr. Salmah Mohamed ini tentunya dapat memupuk sifat kasih sayang dan mengeratkan hubungan ukhwah antara mahasiswa persatuan Agribiosis.





Ride Ukuwah 1.0 ke Kambing/Ayam Buloh Makrifat bersama Rider JKKP dan Rider komuniti luar



Sempena Hari Malaysia iaitu pada 16 September 2020, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) telah menganjurkan satu program Ride ke Kambing/Ayam Buloh Makrifat, Dungun. Program ini bukan sahaja disertai oleh staf JKKP seramai 25 orang malahan berjaya menarik minat rider komuniti luar seramai 25 orang untuk turut serta pastinya dapat merapatkan ukhuwah di antara kakitangan dan masyarakat sekitar.

Perjalanan yang mengambil masa selama 1 jam 30 minit ini dapat memberikan pengalaman yang indah kepada semua peserta yang mana dapat berkongsi minat dalam dunia permotoran. Sebelum memulakan perjalanan, peserta diberikan taklimat ringkas berkenaan disiplin serta etika pemanduan bagi memastikan aspek keselamatan sentiasa diutamakan. JKKP mengharapkan program santai seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang yang mana ia dapat memberikan impak yang positif kepada semua peserta.



KELAS LITERASI MAKLUMAT DALAM NORMA BAHARU


Pandemik Covid-19 telah merubah landskap pembelajaran seluruh dunia. UniSZA juga turut terkesan dengan sebahagian besar pelajarnya terpaksa menggunakan kaedah pembelajaran secara atas talian.

Bagi sesi pengajian 2020/2021, Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) Kampus Besut juga turut mengadakan Kelas Literasi Maklumat secara maya. Kelas tersebut dikendalikan oleh Pustakawan, Pn. Norhazura Yunus dan Cik Nur Solehah Izzat Ullah Sheikh serta dibantu oleh Pembantu Pustakawan, En. Muhamad Baharin Gani dan YM Tengku Nur Najiah Tengku Dzulkifli.

Kelas Literasi diadakan sebagai pendedahan kepada siswa-siswi baharu mengenai kepelbagaiannya sumber maklumat yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Pelajar juga didedahkan dengan ilmu pencarian bahan dalam talian termasuklah cara pinjaman bahan, cara akses pangkalan data dan sebagainya.

Walaupun Kelas Literasi Maklumat kali ini dijalankan secara atas talian, semua pelajar sangat bersemangat mengikuti kelas ini sehingga tamat sesi. Sesi soal jawab secara maya juga turut diadakan.

Selamat maju jaya buat semua pelajar baru sesi 2020/2021.





Jika dahulu fasiliti kami seadanya sahaja, kini semuanya berwajah baharu. Perpustakaan Al - Wathiqu Billah (PWB) Kampus Besut telah mempunyai bangunan sendiri. Bagi memberi keselesaan kepada pengguna, khususnya warga UniSZA, kami menjemput anda untuk datang dan merasai sendiri pengalaman baharu di perpustakaan tercinta ini.

Jika di bangunan lama kami hanya menggunakan kelas yang di ubahsuai, kini di bangunan baharu banyak kemudahan yang menanti anda. Antaranya 9 buah bilik karel berhawa dingin, 5 buah bilik perbincangan lengkap peralatan pembelajaran, smart TV, ruang pembelajaran kolaboratif, bilik siswazah, makmal komputer, susun atur perabot moden dan lain-lain lagi. Pendek kata apa yang tiada di bangunan lama kami wujudkan

untuk anda di bangunan baharu ini. Pengguna kategori OKU tidak dilupakan. Kemudahan keperluan anda juga turut disediakan.

Di samping ruang pembelajaran yang kondusif dan ekslusif, perkhidmatan juga ditambah baik seiring misi dan visi universiti. Dengan kekuatan tujuh orang tenaga kerja, kami sentiasa bersedia membantu anda dalam mencari bahan dan maklumat.

Selamat datang ke Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) Kampus Besut.



KURSUS PENGURUSAN ASET DAN PENGURUSAN STOR KEPADА STAF KAMPUS BESUT

Pengurusan aset dan stor yang lemah dan tidak teratur boleh menyebabkan ketidakcekcapan pentadbiran sesuatu organisasi dan juga mendedahkan kepada kecuaian, ketirisan dan ketidakakuruan kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Sebagai langkah proaktif, Bahagian Pengurusan Aset, CLMC dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat & Latihan UniSZA (CenTTM) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Aset dan Pengurusan Stor kepada staf UniSZA Kampus Besut bagi meningkatkan kecekapan pengurusan aset dan pengurusan stor supaya dapat melicinkan urusan pentadbiran di UniSZA.

Kursus ini telah dianjurkan pada 18 Ogos 2020 bertempat di Dewan Auditorium Blok F, Kampus Besut dan dikendalikan oleh Pegawai Kewangan Kanan dari Pejabat Bendahari iaitu Puan Ain Syahida Nurul Huda@Ariffin.



KURSUS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BERSIRI KEPADА SEMUA STAF CLMC

Majikan dan pekerja sering digesa agar memberikan tumpuan terhadap aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi mengelakkan kemalangan di tempat kerja berikutan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 Malaysia yang menitikberatkan tentang kesihatan dan keselamatan serta kebajikan para pekerja di dalam sesebuah organisasi.

Dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat & Latihan (CenTTM), Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) telah mengambil langkah proaktif bagi menekankan aspek keselamatan melalui penganjuran Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bersiri kepada semua staf CLMC. Kursus ini telah dianjurkan pada 23 September 2020

bertempat di Dewan Teater ,Kampus Perubatan dan dikendalikan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Terengganu iaitu En. Khairool Anwar Khalid serta beberapa orang rakan sejawat.

Di antara objektif penganjuran kursus ini adalah bagi meningkatkan kesedaran tentang risiko berkaitan dengan gas dan kesannya terhadap kesihatan. Melalui kursus ini juga, ramai individu dapat berkongsi pengalaman berkaitan pengawasan dan teknik-teknik risiko bahaya gas semasa mengendali dan menggunakan silinder gas. Selain itu juga, para peserta dapat mempelajari langkah-langkah pengurusan keselamatan yang perlu diamalkan di tempat kerja/makmal/bengkel.

CLMC BERJAYA MENGANJURKAN KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KEPADA SEMUA STAF CLMC

Bahagian Pengurusan Aset CLMC mengambil inisiatif mengadakan Kursus Pengurusan Perolehan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada semua staf CLMC berkaitan perolehan. Kursus ini telah diadakan pada 24 Ogos 2020 bertempat di Dewan Kuliah Utama Kampus Gong Badak dan dikendalikan oleh pegawai kanan dari Pejabat Bendahari iaitu Pn. Nor Adahaliza Othman dan En. Hasrul Yamin Ab. Hamid.

Di antara objektif penganjuran kursus ialah bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman staf tentang pengurusan perolehan, undang-undang, tatacara perolehan keraiaan dan UniSZA.



Kursus Pengurusan Sisa Buangan Berjadual kepada Staf UniSZA



Sisa buangan berjadual adalah apa-apa buangan yang mempunyai ciri-ciri berbahaya yang berpotensi memberi kesan negatif kepada orang awam dan alam sekitar. Umum mengetahui bahawa, setiap perkerja perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) untuk pengurusan dan pelupusan sisa buangan berjadual.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pengurusan Makmal Berpusat

(CLMC) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat & Latihan UniSZA (CenTTM) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Sisa Buangan Berjadual kepada staf UniSZA yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Negeri Terengganu, Pn. Zuraini Mohd Senin. Kursus ini telah diadakan pada 22 September 2020 lalu bertempat di Dewan Auditorium, Blok F8, UniSZA Kampus Besut yang melibatkan 45 orang staf yang terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan dari pelbagai pusat tanggungjawab (PTj).

Program Retreat dan Motivasi Kecemerlangan Staf CLMC

Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) telah menganjurkan Program Retreat dan Motivasi Kecemerlangan Staf CLMC pada 16-17 September 2020 bertempat di De Rhu Beach Resort, Kuantan, Pahang. Program ini telah melibatkan semua staf CLMC seramai 62 orang.

Objektif pelaksanaan Program Retreat dan Motivasi Kecemerlangan Staf CLMC adalah untuk membantu staf meningkatkan motivasi dan keyakinan diri untuk mencapai kejayaan dalam bidang kerjaya dan juga sosial, mewujudkan staf yang mempunyai azam dan

iltizam bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta melahirkan staf yang mempunyai keterampilan dan kewibawaan sebagai pemimpin dalam kumpulan.

Memetik ucapan perasmian oleh Pengarah CLMC, Dr. Azman Azid, penganjuran program ini pastinya dapat menjadi platform terbaik bagi staf untuk mewujudkan serta menambahbaik kaedah meningkatkan motivasi dan keyakinan diri untuk mencapai kejayaan dalam bidang kerjaya dan juga sosial.



1.

You've been hacked!
Now what??

Face it: Hackers Gonna Hack
If it happens to you:

- Report it to ICT Helpdesk if the hacked device or account was used for work.
- Change all passwords you used or stored on the device.
- Update your software and apps, including your anti-virus software.
- Update your browser and plugins.
- Notify credit agencies if you think your personally identifiable information has been affected.
- Be prepared with backups.

ppir.unisza.edu.my

Universiti Sultan Zainal Abidin
UNISZA

2.

BEWARE OF RANSOMWARE INFECTION

HOW TO PROTECT AGAINST RANSOMWARE ?

- Visit suspicious websites
- Open suspicious emails
- Files are encrypted
- Data are lost

WHAT TO DO IF INFECTED ?

- Disconnect the network cable
- Report to Police
- Restore data from backup to a clean device
- Use decryptor tool to recover the files

Learn more at ppir.unisza.edu.my

3.

VIDEO CONFERENCING ETIQUETTE
Consider exercising these tips for your next virtual meeting or training session

PLAN AHEAD TO AVOID DISTRACTIONS
Carefully choose where you will take part in your session to avoid distractions for you and your colleagues.

THINK POSITION
Position your camera at the top center of your frame, slightly higher or slightly left or right. By doing so, you will look the most natural.

ELIMINATE BACKGROUND NOISE
If your system isn't on mute, be aware that everyone can hear you moving around—including rustling through papers, typing on your keyboard, coughing or tapping on your desk.

CONSIDER LIGHTING
You want to eliminate background light from windows so that you don't appear as a silhouette; however, a bright front light can be equally garish, causing bad shadowing. Experiment and see what light source positioning works the best.

SELECTIVELY MUTE
Avoid potential feedback by muting your microphone if you will not be speaking for a long period. Also mute your camera if you need to get up during the session.

Learn more at ppir.unisza.edu.my

Bahagian ICT Kampus Besut

4.

Think before you click.

AVOID PHISHING SCAMS

Always think twice before clicking on links or opening attachments.

- Even if they look like they're from someone you know.

Protect your passwords.

- Use different passwords for work and non-work activities.
- Use multi-factor authentication (MFA) authentication where possible.

Learn more at ppir.unisza.edu.my

12

PESONA FM PLATFORM BAHARU PUSAT KESENIAN DAN WARISAN

Pesona fm merupakan platform baharu Pusat Kesenian dan Warisan (PKW) dalam mengglobalkan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bukan sahaja dalam bidang seni, budaya dan warisan, malah meliputi semua jaringan industri keusahawanan, teknologi, penyelidikan dan akademik UniSZA.

Berkonsepkan internet radio edutainment, sebagai permulaan penyampai-penyampai kami terdiri daripada warga UniSZA yang berbakat dan terlatih. Setiap penyampai mempunyai segmen mereka sendiri iaitu segmen Aura Pagi, Hobi, Sembang Seni, Viral, Nurani dan Santai Petang.

Bersesuaian dengan amalan kerja norma baharu ini, Pesona fm telah berjaya melaksanakan Bengkel DJ Radio Pesona fm pada 19 Oktober 2020 dan Bengkel Pengurusan Teknikal Pesona fm pada 2 November 2020 yang turut menjemput penyampai radio tersohor dari Manis fm dan Sukma fm sebagai fasilitator. Bengkel - bengkel berkenaan telah berjaya mnenarik penyertaan pelajar UniSZA seramai 50 orang daripada UniSZA Kampus Kota, UniSZA Kampus Gong Badak dan UniSZA Kampus Besut melalui aplikasi Webex. Majoritinya terdiri daripada pelajar dari Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dan Kelab Media Seni; iaitu kelab di bawah seliaan PKW.

Penyertaan yang agak menggalakkan ini ternyata bakal memberi satu impak baru kepada Pesona fm. Pesona fm akan diteruskan legasinya kepada pelajar-pelajar UniSZA dengan kreativiti dan bakat terpendam generasi Z selepas berlalunya fasa PKPP ini kelak.

**Bagaimana untuk
mendengar Pesona FM?**



1. Untuk pengguna **iPhone**, anda boleh muat turun aplikasi Xialive dan lakukan carian Pesona fm.
2. Bagi pengguna **Android**, anda boleh muat turun aplikasi Pesona fm di Google Playstore.
3. Untuk mendengar Pesona fm di desktop, sila layari www.pesonafm.com.

Untuk perkembangan terkini, sila Likes and Follow:

Instagram: **Pesonafm.pkw**

Facebook: **pkwunisza**

PKW



LAWATAN PENILAI LUAR SECARA VIRTUAL BAGI PROGRAM SARJANA MUDA FARMASI UniSZA



Dalam situasi negara berhadapan dengan krisis pandemik COVID-19, program Lawatan Penilai Luar Program Sarjana Muda Farmasi, Fakulti Farmasi telah diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Cisco Webex pada 18 Mei 2020. Lawatan maya ini diadakan untuk menyemak dan menilai kertas soalan peperiksaan beserta skema jawapan peperiksaan bagi program Sarjana Muda Farmasi (Kepujian).

Proses semakan dan penilaian dokumen serta fasiliti merangkumi bilik kuliah, tutorial, makmal, pejabat pentadbiran, perpustakaan dan lain-lain bermula pada jam 10.30 dan berakhir pada jam 4.00 petang dengan sesi rumusan dan cadangan penambahbaikan oleh Penilai Luar, Prof. Dr. Farahidah binti Mohamed iaitu Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Program lawatan maya ini merupakan inisiatif untuk mengerakkan aktiviti fakulti setelah tertangguh akibat penularan COVID-19.

SESI PERKONGSIAN IKOP SDN BHD



18 Mei 2020 - Fakulti Farmasi telah menganjurkan sesi perkongsian bersama IKOP Sdn.Bhd. oleh Prof. Dr. Farahidah binti Mohamed, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IKOP Sdn. Bhd. IKOP Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat farmaseutikal tempatan yang mendapat pengiktirafan Good Manufacturing Practice (GMP)

Sesi perkongsian ini diadakan sempena lawatan maya Penilai Luar bagi Program Sarjana Muda Farmasi, Fakulti Farmasi UniSZA. Penyertaan adalah terdiri daripada staf Fakulti Farmasi serta Pensyarah-Pensyarah dari Fakulti Biosumber & Industri Makanan dan Fakulti Sains Kesihatan UniSZA.

Bersesuaian dengan program Sarjana Muda Farmasi, IKOP dapat menawarkan latihan industri kepada pelajar, lulusan baharu dan pekerja dari sektor yang berkaitan untuk mengutip pengalaman pembuatan farmaseutikal. Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh IKOP adalah pembuatan, pembotolan dan pelabelan, blisterpack, R&D, pengembangan prototaip, pendaftaran produk dan perkhidmatan perundingan termasuk aspek farmaseutikal halal.



PROGRAM LAWATAN KE IKOP SDN BHD

Pada 1 September 2020, seramai sembilan orang staf Fakulti Farmasi telah mengadakan lawatan ke IKOP Sdn. Bhd. di Kuantan, Pahang yang mempunyai kilang farmaseutikal bagi menghasilkan produk farmaseutikal dengan sijil halal.

Program lawatan yang diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik & Siswazah, Dr. Zalina Zahari ini bertujuan untuk menjalankan hubungan yang lebih kukuh dengan pihak IKOP. Sdn Bhd. dalam pelbagai bidang termasuklah bidang penyelidikan dan inovasi di samping mewujudkan kerjasama bagi program sangkutan industri pensyarah serta latihan kepada pelajar Sarjana Muda Farmasi kelak.



PHARMINAR (PHARMACY WEBINAR) CELIK UBAT 'UBAT ANTI COVID-19'



1 Julai 2020 - Dalam situasi negara berhadapan dengan krisis pandemik COVID-19, pihak Fakulti Farmasi telah mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan program celik ubat yang memfokuskan kepada ubat anti COVID-19 melalui program Pharminar (Pharmacy Webinar) Celik Ubat secara dalam talian. Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan umum berkaitan ubat anti COVID-19 di samping memberikan kefahaman kepada warga UniSZA mengenai penggunaan ubat dengan cara yang betul.

Seramai lima (5) orang panel yang mewakili keseluruhan disiplin di Fakulti Farmasi telah dijemput untuk

berkongsi ilmu dan kepakaran masing-masing iaitu:

- Dr. Norsyafikh Asyilla Nordin (Kimia Farmaseutikal)
Tajuk 'Ubat Anti COVID : Perbezaan ubat, kit dan vaksin'

- Dr. Syaliza Omar (Kimia Farmaseutikal)
Tajuk 'Ubat Anti COVID-19: Indikasi ubat yang digunakan untuk rawatan COVID-19 di Malaysia'

- Dr. Zalina Zahari (Farmakologi & Toksikologi)
Tajuk 'Ubat Anti COVID-19: Bagaimana ubat-ubat ini bertindak'

- Dr. Mulham Alfatama (Teknologi Farmaseutikal)
Tajuk 'Ubat Anti COVID-19: Dosage Form for anti COVID drug'

- Prof. Dr. Lua Pei Lin (Amalan Farmasi)
Tajuk 'Ubat Anti COVID-19: Regimen penggunaan dan kos'

Program dalam talian yang dilaksanakan melalui aplikasi Cisco Webex ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga UniSZA dan diharapkan perkongsian yang diberikan dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai ubat anti COVID-19.

PROGRAM MOBILITI 'INTERNATIONAL VIRTUAL EXCHANGE LECTURE'



Dalam situasi negara berhadapan dengan krisis pandemik COVID-19, pihak Fakulti Farmasi telah mengambil inisiatif melaksanakan program mobiliti secara dalam talian iaitu *International Virtual Exchange Lecture* melibatkan kerjasama di antara Fakulti Farmasi, UniSZA dengan Fakultas Farmasi, Universitas Padjadjaran, Indonesia (UNPAD).

Program yang berlangsung mulai 26 November hingga 28

Disember 2020 ini melibatkan empat sesi kuliah yang disampaikan melalui aplikasi Cisco Webex. Kursus yang terlibat adalah *Dosage Form Design I (Liquid & Semi-Liquid)* yang mana kursus ini turut ditawarkan oleh Fakultas Farmasi UNPAD pada semester yang sama. Bagi tujuan pengantarabangsaan, sesi pembelajaran turut memberi tumpuan kepada elemen perkongsian budaya dan antara aktiviti yang dicadangkan adalah kuiz bahasa, coretan sejarah negara, klip video budaya tarian, makanan dan/atau lagu berunsur

kebudayaan yang bersesuaian dan bermanfaat untuk kedua-dua pihak.

Inisiatif pelaksanaan program ini adalah untuk memupuk pembelajaran dalam talian secara global sebagai sebahagian dari usaha *non-credited virtual mobility (inbound & outbound)* bagi mewujudkan budaya pengantarabangsaan dalam kalangan pelajar serta kolaborasi pengajaran holistik yang bersifat merentas budaya dan benua.

PERJUMPAAN MEJA BULAT FAKULTI INFORMATIK & KOMPUTERAN (FIK) BERSAMA PENASIHAT LUAR



19 Julai 2020 – Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah mengadakan Perjumpaan Meja Bulat bersama Penasihat Luar untuk membantu fakulti dalam semakan semula dan penambahbaikan Program ISM Teknologi Maklumat (Informatik Media) (ISMTMIM) dengan Kepujian dan Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) (DTMM).

Fakulti telah menjemput 3 orang panel Penasihat Luar yang terdiri daripada Wakil

Akademik iaitu Pengarah *Institute of Human Centered Engineering* (IHumEn), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof. Dr. Mohd Shahrizal bin Sunar, Wakil Industri iaitu Dr. Mohd Kufaisal bin Mohd Sidik , Pengarah Urusan V3X Malaysia Sdn. Bhd dan Alumni program ISMTM(IM) dan DTMM iaitu Encik Muhammad Amir Irfan bin Mazian.

LAWATAN PUSAT ALUMNI, KEUSAHAWANAN DAN JARINGAN MASYARAKAT (PAKAT) KE UNISZA DIGITAL HUB (UDH) KAMPUS BESUT

5 Julai 2020 – UniSZA Digital Hub (UDH) telah menerima kunjungan daripada Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT). Sejak ditubuhkan pada 2017, UDH telah menjalankan pelbagai fungsi yang berteraskan elemen teknologi dan maklumat dengan memberi peluang kepada pelajar menjalankan perniagaan sendiri menerusi penubuhan ruang guna sama (*coworking space*). UDH juga melaksanakan pemindahan serta perkongsian ilmu dan teknologi menerusi latihan secara percuma dan berbayar kepada warga universiti turut menyediakan perkhidmatan membangunkan sistem dan aplikasi telefon.

Taklimat mengenai UDH telah disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Puan Latifah Ilyana Ibrahim. Turut hadir bersama rombongan dari PAKAT adalah Pengarah Prof. Madya. Ts. Dr. Mokhairi Makhtar, Timbalan Pengarah Dr. Azrul Amri Jamal, wakil-wakil fakulti, serta pegawai daripada Pejabat Wakaf & Endowment dan Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan, Pelaburan & Jaringan Industri.



PROGRAM KOMUNITI HARMONI DAN GOTONG ROYONG

MEMBAIKI RUMAH DI KG. WAKAF GELAM, TEMBILA



19 Julai 2020 – Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Besut telah mengadakan Program Komuniti Harmoni dan Gotong Royong di Kg Wakaf Gelam, Tembila. Program yang mendapat penglibatan seramai 44 orang sukarelawan yang terdiri dari kakitangan akademik dan pentadbiran FIK itu bermula pada 2 petang dan berakhir pada jam 6 petang.

Program ini telah dirancang susulan musibah pokok tumbang yang berlaku kepada anak bekas pekerja pembersihan di FIK yang menyebabkan hampir keseluruhan struktur rumah beliau runtuh. Usai ketibaan di lokasi, peserta telah diagihkan mengikut pembahagian tugas seperti aktiviti mengemas rumah, membersih persekitaran rumah, kerja-kerja mengecat serta memasang perabot dan peralatan rumah yang lain.

MESYUARAT PELARASAN PEMBANGUNAN MODUL MATEMATIK BAGI PELAJAR SARJANA MUDA SAINS MATEMATIK, FAKULTI INFORMATIK DAN KOMPUTERAN

20 September 2020 – Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) UniSZA Kampus Besut telah mengadakan Mesyuarat Pelarasian Pembangunan Modul Matematik bagi program Sarjana Muda Sains Komputer di FIK, UniSZA.

Pihak fakulti telah menjemput dua orang Guru Pakar Matematik iaitu YBrs. Dr. Fan Siong Peng, Ketua Unit Perancangan & Pengurusan, Penyelidikan Inovasi, Jabatan

Penyelidikan & Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Gong Badak, dan Puan Noorwahida binti daud @ Arifin, Guru Cemerlang Matematik, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Perbincangan ini adalah untuk membincangkan hala tuju modul matematik bagi program pengajian Sarjana Muda Sains Komputer Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK).



Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah selesai menerima dua (2) kunjungan daripada panel Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi penilaian akreditasi penuh Program Sarjana Teknologi Maklumat (Informatik Pengurusan) dan Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Informatik Media) dengan Kepujian.

Proses penilaian untuk tujuan akreditasi penuh sesuatu program itu bermula apabila pelajar kohort pertama program tersebut memasuki tahun akhir pengajian. Mengikut amalan terbaik antarabangsa, proses akreditasi program ini melibatkan, antara lain, penilaian kendiri serta penilaian dan penyediaan laporan oleh panel penilai. Penilaian ini harus berpandukan suatu kod amalan akreditasi. Proses ini berakhir dengan perakuan rasmi oleh pihak berautoriti yang memperakankan pengakreditan program tersebut.

Akreditasi penuh adalah satu aktiviti penilaian untuk memastikan bahawa kegiatan pengajaran, pembelajaran, dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh sesebuah Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) telah menepati standard kualiti dan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia.

Panel penilai bagi penilaian akreditasi penuh bagi Program Sarjana Teknologi Maklumat (Informatik Pengurusan) yang berlangsung pada 3-4 Ogos 2020 adalah Ts. Dr. Farahwahida Mohd @ Abu Bakar selaku Pengerusi, Prof. Madya Dr. Nor Hasbiah Ubaidullah selaku Pegawai Penilai serta Pegawai MQA iaitu Puan Noor Niana Mohamad Sharin. Manakala Panel Penilai bagi penilaian akreditasi penuh bagi Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Informatik Media) berlangsung pada 2-3 September 2020 terdiri daripada Dr. Amir Rizaan Abdul Rahman selaku Pengerusi, Dr. Razulaimi Razali selaku Panel Penilai dan Pegawai MQA iaitu En. Mohd Zulkarami.

LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH DUA PROGRAM DI FAKULTI INFORMATIK KOMPUTERAN (FIK)





Pelancaran Aplikasi Kursus Pra-Perkahwinan dalam talian (MyBahagia)

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah berjaya melancarkan aplikasi web MyBahagia sebagai pelantar yang menyediakan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam secara dalam talian yang pertama di negara ini.

Projek itu telah diketuai oleh Pensyarah Fakulti Informatik dan Komputeran yang juga merupakan Pengarah di Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar iaitu Profesor Madya Dr. Mokhairi Makhtar. Pelancaran MyBahagia telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA Profesor Datuk Dr. Hassan Basri Mat Dahan di UniSZA Kampus Gong Badak.

Dr. Mokhairi berkata, "MyBahagia dibangunkan sebagai persediaan kepada pasangan yang ingin berkahwin mendapatkan informasi seperti tanggungjawab suami isteri, pengurusan kesihatan keluarga, pengurusan stres dan konflik

serta modul lain yang berasaskan MBKPI Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Semua kandungan dalam MyBahagia diolah dalam bentuk interaktif dan digital yang menarik dan mudah difahami pengguna. Kami yakin inisiatif ini mampu memberikan keyakinan dan mempersiapkan diri pasangan dengan ilmu pengetahuan alam perkahwinan sebelum menghadiri temuduga khas," katanya.

Menurutnya, kandungan digital ini dibangunkan dengan kerjasama pakar bidang Pengajian Islam, Perubatan, Kewangan Islam, Undang-undang Islam dan Teknologi Maklumat dari UniSZA. Ujarnya lagi, pihaknya juga sedang dalam proses bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) untuk mengeluarkan sijil kursus pra perkahwinan yang diiktiraf seluruh negeri.



BENGKEL WRITING IMPACTFUL ARTICLE: THEORY & PRACTICAL

17 – 18 Jun 2020- Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah menganjurkan Bengkel Writing Impactful Article: *Theory & Practical* kepada semua staf akademik. Bengkel yang disampaikan oleh Pengarah, Pejabat Pengarah Kampus Besut yang juga merupakan Pensyarah FIK iaitu Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman diadakan di Bilik D5-0-10, Blok D, UniSZA Kampus Besut selama 2 hari.

Para peserta dapat mempelajari teknik penulisan berkesan, kesilapan dalam penulisan artikel dan teknik-teknik yang betul bagi memastikan artikel yang ditulis menarik perhatian pembaca melalui kaedah teori dan praktikal penceritaan berkesan.

TERIMA KASIH

PROF. DR. ABDUL MANAF ALI DAN PROF. DR. RAMLI ABDULLAH

Tahun 2020 merupakan tahun terakhir kepada dua orang malim sarjana di Fakulti Biosumber dan Industri Makanan UniSZA untuk menabur bakti dan ilmu setelah sekian lama berkhidmat di UniSZA. Mereka ialah Prof. Dr. Abdul Manaf bin Ali dan Prof. Dr. Ramli bin Abdullah. Kedua-dua orang malim sarjana ini telah menamatkan perkhidmatan di UniSZA dan tidak lagi berkecimpung dalam bidang akademik di universiti.

Prof. Dr. Abdul Manaf bin Ali menyertai UniSZA bermula pada tahun 2006, iaitu ketika UniSZA mula-mula ditubuhkan (dahulunya dikenali sebagai Universiti Darul Iman Malaysia). Beliau merupakan dekan pengasas kepada Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (dahulunya dikenali sebagai Fakulti Pertanian dan Bioteknologi) dan pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniSZA. Pada awal penubuhan FBIM, Prof. Dr. Abdul Manaf bertanggungjawab untuk membentuk halatuju fakulti agar setanding dengan fakulti-fakulti berdasarkan pertanian dan bioteknologi di universiti-universiti ternama lain di Malaysia. Hasilnya, tiga program pengajian peringkat ijazah sarjana muda telah berjaya ditawarkan pada ketika iaitu iaitu ISM Bioteknologi Pertanian, ISM Produksi dan Kesihatan Haiwan dan ISM Teknologi Makanan.

Selain itu, Prof. Dr. Abdul Manaf juga terkenal sebagai seorang penyelidik dalam bidang biokimia dan tisu kultur haiwan. Beliau telah banyak melakukan projek penyelidikan berkaitan manfaat tanaman herba seperti mas cotek, tongkat ali, misai kucing dan sebagainya. Sepanjang menjawat jawatan sebagai pensyarah di UniSZA, Prof. Dr. Abdul Manaf telah berjaya mengharumkan nama FBIM khasnya dan UniSZA amnya dengan memenangi pelbagai



kejayaan dan mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sementara itu, Prof. Dr. Ramli Abdullah pula merupakan pakar dalam bidang pembiakbakaan kambing tenusu. Beliau merupakan pesara pensyarah dari Universiti Malaya sebelum menyertai FBIM. Semasa di UniSZA, Prof. Dr. Ramli diberi tanggungjawab untuk menjaga kebajikan lebih kurang 1000 ekor kambing tenusu yang terdapat di Ladang UniSZA Pasir Akar. Hasilnya, Ladang UniSZA Pasir Akar telah menjadi terkenal sebagai hub penyelidikan dan pemeliharaan kambing tenusu yang berjaya di wilayah pantai timur. Selain itu, Prof. Dr. Ramli juga telah banyak melibatkan diri dalam pelbagai program komuniti yang melibatkan aktiviti pemindahan ilmu penternakan kambing tenusu kepada masyarakat. Ia sekaligus melaksanakan hasrat dan visi UniSZA iaitu 'Ilmu Demi Faedah Insan'.

Dalam bidang akademik, Prof. Dr. Ramli Abdullah telah banyak membantu dalam membimbing FBIM untuk melahirkan graduan ISM Produksi dan Kesihatan Haiwan yang cemerlang. Pelajar-pelajar ISM Produksi dan Kesihatan Haiwan ini telah dibekalkan dengan ilmu teori dan praktikal yang mantap melalui pemantapan kurikulum yang diselia oleh Prof. Dr. Ramli. Ini sekaligus akan meningkatkan keboleh parasan pelajar FBIM dan melahirkan graduan yang competitive dan berkualiti.

Jasa dan khidmat bakti kedua-dua malim sarjana ini akan terus dikenang oleh semua warga FBIM. FBIM mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Abdul manaf Ali dan Prof. Dr. Ramli Abdullah. Sesungguhnya Allah jua lah sebaik-baik pemberi balasan.





FBIM

SELAMAT DATANG KEPADА MAHASISWA BAHARU SESI 20/21



@pmfbimunisza

PROGRAM FBIM CELESTRON

Pada 21 Oktober 2020, satu program bagi meraikan mahasiswa dan mahasiswi baru ke Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah diadakan secara maya melalui medium WEBEX dan Facebook FBIM. Program ini diadakan bersempena Minggu Mesra Siswa 2020 anjuran FBIM dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa FBIM yang terdiri daripada 3 persatuan pelajar iaitu Kelab Agribiosis, Persatuan Pelajar Sains Makanan dan Persatuan Sains Akuatik dan Produksi Kesihatan Haiwan. Program ini telah bermula dari jam 2.00 petang dan berakhir pada jam 6.30 petang.

Program FBIM Celestron ini telah dirasmikan oleh Dekan FBIM, Prof. Madya. Dr. Khamsah Suryati Mohd dalam sesi bual bicara Pengurusan Tertinggi FBIM bersama pelajar baru FBIM sesi 2020/2021 melalui medium Facebook FBIM. Sesi bual bicara ini turut melibatkan Timbalan Dekan (Akademik & Siswazah), Prof. Madya Dr. John Tang Yew Huat, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan), Dr. Noor Afiza Badaluddin serta Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Saiful Iskandar Khalit. Sepanjang sesi bual bicara ini, para pelajar berpeluang untuk mengenali ahli pengurusan tertinggi FBIM dan dapat mengetahui lebih lanjut maklumat berkaitan dengan FBIM.

Setelah selesai sesi bual bicara bersama ahli pengurusan tertinggi, program FBIM Celestron telah diteruskan dengan sesi orientasi para pelajar baru bersama Persatuan Mahasiswa FBIM. Setiap pelajar telah dibahagikan kepada pusat pengajian masing-masing dan diberi taklimat tentang pusat pengajian masing-masing oleh fasilitator yang terdiri daripada ahli persatuan pelajar pusat pengajian itu sendiri. Sesi orientasi ini telah dapat mengeratkan lagi silaturahim antara pelajar dan pelajar baru juga dapat mengenali dengan lebih dekat 3 pusat pengajian yang bernaung dibawah FBIM iaitu Pusat Pengajian Industri Makanan (PPIM), Pusat Pengajian Sains Pertanian dan Bioteknologi serta Pusat Pengajian Sains Haiwan, Akuatik dan Sekitaran.



CERAMAH MOTIVASI

SEMPENA MINGGU MESRA

SISWA

LIVE Fakulti Biosumber dan Industri Makanan



UNISZA UNIVERSITI SULTAN ZAHAL AKBARI

AO MUSIMAN 2020



CERAMAH MOTIVASI

Pembelajaran Secara "Online"

Ahad, 25 Oktober 2020 | 10.00 - 10.30 am

PENCERAMAH
Pn. Nor Hainei Abu Bakar
Tokoh Guru Kebangsaan Tahun 2020
36 tahun pengalaman sebagai pendidik

MODERATOR
Dr. Mohd. Nizam Haron
Pensyarah Kanan
Fakulti Biosumber & Industri Makanan

Bersempena dengan Minggu Mesra Siswa (MMS) 2020, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah mengadakan satu sesi ceramah motivasi bertajuk 'Pembelajaran secara online: tips menjadi pelajar cemerlang' yang telah diadakan pada 25 Oktober 2020. Tujuan utama program ini ialah untuk memberi suntikan semangat kepada pelajar baru dalam menuntut ilmu dan membentuk sahsiah diri serta menjana kecemerlangan akademik bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.

Ceramah yang berlangsung melalui Facebook Live FBIM ini telah disampaikan oleh Puan Nor Hainei Binti Abu Bakar yang merupakan Tokoh Guru Kebangsaan Tahun 2020. Beliau juga merupakan pesara guru besar dan berpengalaman selama 36 tahun dalam bidang pendidikan.

Antara perkara yang dititikberatkan ialah bagaimana para pelajar mengatasi halangan daripada pembelajaran secara online dan menangani masalah tekanan samaada fizikal maupun mental. Selain itu, kebijaksaan pelajar untuk menguruskan masa turut ditekankan oleh penceramah dimana pengurusan masa merupakan perkara yang sangat penting untuk membentuk pelajar yang cemerlang. Pelajar juga disarankan untuk berdisiplin dan berakhlik dalam menuntut ilmu supaya ilmu yang diperolehi itu diberkati.



MENZAHIRKAN KECINTAAN KEPADA MALAYSIA

Pada 25 Ogos 2020, staf Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah mengadakan program gotong-royong sempena menyambut sambutan Hari Kebangsaan ke-63. Program ini diadakan dengan tujuan utama untuk menzahirkan kecintaan kepada negara Malaysia. Di samping itu, program ini juga diadakan untuk meningkatkan keprihatinan kepada persekitaran fakulti dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan staf.

Seramai 50 orang peserta dari kalangan ahli pengurusan fakulti, staf akademik dan pentadbiran telah bekerjasama dalam program yang diadakan. Antara pengisian program

adalah penyediaan mural Malaysia Prihatin, board Malaysia Prihatin serta pembangunan ornamental garden di blok F, FBIM. Selain itu, wajah fakulti juga bertukar lebih ceria dengan pemasangan kira-kira 400 bendera Malaysia pelbagai saiz dan juga projek landskap di sekitar kawasan fakulti.

Penganjuran program ini adalah salah satu kejayaan yang membanggakan bagi warga FBIM kerana staf fakulti dilihat dapat bekerjasama dengan baik tanpa mengira pangkat untuk merealisasikan sambutan kemerdekaan ini.



**PEMANDANGAN DARI ATAS
UniSZA KAMPUS BESUT**